



MPS

Laporan Tahunan **2020**



MUKA SURATINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



MPS

Laporan Tahunan
2020

MAMPAN | PROGRESIF | SEJAHTERA



Majlis Perbandaran Selayang © 2021

**DITERBITKAN OLEH
JABATAN KORPORAT**

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS,Persiaran 3,Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya,bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 5800
Fax:+603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my

ISI KANDUNGAN

01 PENGENALAN

- 06 -Susur Masa
- 08 -Soroton 2020
- 11 -Selayang Pandang
- 13 -Perutusan Yang Dipertua
- 14 -Objektif MPS & Piagam Pelanggan
- 15 -Visi, Misi MPS
- 16 -Rasional Logo MPS
- 17 -Lagu & Bunga Rasmi MPS
- 18 -Kawasan Pentadbiran MPS
- 20 -Demografi Penduduk
- 22 -Barisan Pengurusan MPS
- 24 -Ahli Majlis MPS
- 26 -Sijil Ketua Audit Negara
- 30 -Penyata Kedudukan Kewangan 2020
- 31 -Penyata Prestasi Kewangan 2020

02 LAPORAN JABATAN

- 33 -Jabatan Perbendaharaan
- 37 -Jabatan Korporat
- 45 -Jabatan Khidmat Pengurusan
- 51 -Jabatan Perundungan
- 55 -Jabatan Bangunan
- 61 -Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan
- 65 -Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan
- 69 -Jabatan Landskap
- 75 -Jabatan Pelesenan
- 81 -Jabatan Perancang Bandar
- 107 -Jabatan Kejuruteraan
- 121 -Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- 131 -Jabatan Pembangunan Masyarakat
- 137 -Jabatan Audit Dalam
- 141 -Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
- 143 -Jabatan Teknologi Maklumat
- 147 -Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- 151 -Jabatan Pusat Setempat (OSC)
- 163 -Unit Integriti
- 167 -Bahagian Urus Setia

03 PELANCONGAN


- 172 -Kawasan Pelancongan MPS

04 AKTIVITI

- 175 -Galeri

05 MEDIA

- 185 -Keratan Akbar



2020

Perbandaran Lestari

yang melakukan
pada Jun 2002 dan siap
pada September 2004.
Menara MPS setinggi
sebelas tingkat dengan belanja sebanyak
RM21 Juta.

Menara MPS telah
diperasmikan oleh
Dato' Dr. A.B. Dato' Seri Dr.
Oyo, Dato Menteri
Kesihatan pada 31 Mei 2005

PERASMIAN
MENARA
MPS

MPS terus melangkah ke arah
kecemerlangan dengan memperoleh dua
pengiktirafan iaitu Anugerah Sistem
Penarafan Bintang Pihak Berkuasa
Tempatan (SPB-PBT) 2018 dan Anugerah
Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran
Cemerlang (APPC) 2018.

PENGIKTIRAFAN
KUALITI PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN



SAMBUTAN KE 20 TAHUN

Sambutan ke-20 Tahun
pentadbirannya, MPS terus
mengorak langkah sebagai
PBT terunggul dengan
memastikan Perbandaran
Selayang sentiasa Mampam,
Progresif dan Sejahtera.

PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN DAN HUBUNGAN KOMUNITI

Tahun 2019 menyaksikan MPS
agresif dalam
penguatkuasaan terutama
berkaitan isu tapak
pembuangan sampah haram.
MPS juga memberi fokus
kepada perhubungan
komuniti dengan penganjuran
aktif program-program
melibatkan masyarakat
setempat.

Tahun 2020
menyaksikan MPS
turut berhadapan
cabaran pandemik
Covid-19. Sebagai
sebahagian barisan
hadapan, MPS
memainkan peranan
penting memastikan
perkhidmatan
perbandaran sentiasa
di tahap yang terbaik
selain membantu
dalam memastikan
kesejahteraan
masyarakat
terutama mereka
yang terkesan
dengan pandemik
ini.

Sorotan 2020



TAHUN 2020 merupakan tahun yang mencabar buat MPS apabila gelombang pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah menjelaskan pelaksanaan aktiviti mahupun program yang telah dirangka. Walaupun pelbagai program yang dirancang terpaksa ditunda, namun komitmen jitu untuk terus memberikan perkhidmatan perbandaran terbaik kepada seluruh warga perbandaran Selayang tetap diteruskan.

MPS telah mengambil langkah untuk memperkasakan barisan hadapan atau frontliner dalam membantu kerajaan bagi memastikan penularan wabak ini dapat ditangani dengan baik. Aktiviti disinfeksi di kawasan tumpuan orang ramai dan bangunan kerajaan di pentadbiran MPS turut dilaksanakan selain MPS turut memperkasakan aktiviti pemantauan pematuhan SOP di pasar-pasar awam, premis perniagaan dan kawasan pelancongan. Aktiviti pemantauan MPS ini turut mendapat kerjasama erat daripada agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan lain-lain lagi.

MPS juga secara tidak langsung menyalurkan bantuan keperluan logistik dan juga bantuan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan. Pada masa yang sama, MPS turut prihatin menyampaikan sumbangan kepada masyarakat setempat yang terkesan dan juga kepada kakitangan MPS yang memerlukan.

Bagi memudahkan masyarakat dalam mendapatkan maklumat, pertanyaan dan aduan mengenai SOP PKP serta perkhidmatan perbandaran, MPS telah mengambil inisiatif dengan membuka Bilik Gerakan Khas MPS. Secara keseluruhan, bilik gerakan ini menerima jumlah panggilan yang tinggi iaitu sebanyak 4,641 panggilan berbanding saluran aduan yang lain berkenaan SOP PKP dan aduan. Meskipun dalam situasi 'lockdown', MPS berjaya menyelesaikan 100.00% aduan yang diterima sepanjang tahun 2020.

Amalan norma baharu mula dipraktikkan oleh warga kerja MPS dalam meneruskan misi penyampaian perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dengan mengadaptasikan pendigitalisasian dalam amalan kerja. MPS telah menyediakan talian end to end seperti eAduan, eTaksiran, eBayaran, eLesen, eTender, OSC Online, Sistem Lesen Anjing,ePayment dan Bil Digital Cukai Taksiran untuk memudahkan masyarakat berurus dengan MPS.



MPS juga telah melancarkan Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021 dan MyMPS untuk memudahkan pemilik harta membuat semakan dan pembayaran cukai taksiran secara dalam talian. Selain itu, satu pelancaran Aplikasi Sistem Gunatanah Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (GRTMPS) telah dibangunkan untuk memudahkan semakan data serta lokasi sebenar menggunakan peranti mudah alih yang mempunyai pengesan lokasi (geolocation). Inisiatif-inisiatif ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan sistem perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat pentadbiran Selayang.

Tahun 2020 juga telah menyaksikan isu pencemaran sungai di Negeri Selangor yang mana melibatkan kawasan perindustrian di kawasan pentadbiran MPS. Kesan daripada itu, MPS telah melaksanakan operasi perobohan terhadap 8 buah kilang haram di sekitar Rawang dan menubuhkan pasukan Task Force Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bagi tujuan pemutihan kilang. MPS juga agresif dalam usaha-usaha penguatkuasaan terutamanya bagi menyelesaikan isu tapak sampah haram dengan mengambil inisiatif memasang 10 unit CCTV dan telah berjaya mengenalpasti serta mengeluarkan kompaun kepada pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan perbuatan berkenaan.

Walaupun Pandemik COVID-19 memberi impak kepada semua apabila hampir tiga bulan Malaysia menghadapi situasi 'lockdown', MPS terus bangkit dan berusaha memberi perkhidmatan berkualiti dan berprestasi tinggi. Pada tahun 2020 ini, MPS telah melakar kejayaan yang membanggakan apabila berjaya mendapat tempat kedua bagi Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kategori Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2020 serta berjaya mengekalkan 5 bintang. MPS juga turut berjaya memperolehi Pensijilan Semula ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd. Selain itu, MPS juga telah menerima Anugerah Sustainable Cities and Communities daripada PLAN Malaysia dan turut menerima pencapaian status Bandar Mampan 2020 bagi Program Pengukuran Tahap Kemampanan Bandar Malaysia (MURNInets 2.0) daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PLAN Malaysia.

Usaha dan kejayaan yang dicapai oleh MPS sepanjang tahun 2020 ini adalah merupakan kerjasama dan komitmen daripada seluruh warga kerja MPS, Ahli-Ahli Majlis, agensi kerajaan, pihak swasta serta semua pemegang taruh di seluruh pentadbiran perbandaran Selayang.



Selayang PANDANG

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Ianya merupakan kenaikan taraf dari Majlis Daerah Gombak yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1977. Kawasan MPS berada di dalam lingkungan konurbasi Kuala Lumpur.

Keluasan kawasan MPS adalah 545.59km persegi dan terletak di dalam Daerah Gombak dan bersempadan dengan Negeri Pahang. Kawasan pentadbiran MPS bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), dan juga bersempadan dengan Majlis Perbandaran Bentong (MPB).

Penduduk Perbandaran Selayang berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 % (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 % (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 % (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 % kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam, Tasik Biru Kundang dan Taman Rimba Bukit Lagong.

Terdapat 8 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves, Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS dengan mengambil kira kualiti alam sekitar.

PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Perutusan

YANG DIPERTUA MPS

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatNya, Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Selayang 2020 dapat diterbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Sepanjang tahun 2020, MPS telah merekodkan pelbagai pencapaian melibatkan bidang pentadbiran, pengurusan dan penganjuran program walaupun dalam situasi COVID-19. MPS juga telah berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti serta mutu perkhidmatan demi kesejahteraan penduduk di pentadbiran perbandaran Selayang.

Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2020, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa RM93.18juta (87.09%) daripada RM107 juta. Manakala bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM5.02 juta (72.24%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM6.9 juta. Melalui kutipan ini ianya dikembalikan kepada penduduk melalui perkhidmatan terbaik dan berterusan.

Saya berharap bagi tahun 2021, warga kerja MPS serta Ahli-Ahli Majlis akan melipat gandakan usaha bagi meningkatkan integriti masing-masing seiring dengan wawasan negeri Selangor. Saya mengharapkan agar semua warga MPS dapat memperlihatkan satu usaha dan daya saing yang tinggi serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.

Shamsul Shahril Badiza bin Mohd Noor S.M.S, A.M.S
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

Objektif MPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai "Kawasan Taman Dalam Bandar".
- Menggeratkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

Piagam Pelanggan

- Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
- Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
- Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
- Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sewaan secara adil.
- Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisien supaya pembangunan tanah mencapai imbalan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semula jadi.






Visi MPS

Majlis Perbandaran Selayang
Peneraju Pengurusan Cemerlang
Ke Arah Perbandaran Mampan
Menjelang Tahun 2020

Misi MPS

Memperkasa Pengurusan
Perbandaran Kepada Seluruh
Warga Selayang Melalui
Perkhidmatan Bertaraf 5 Bintang
Ke Arah Pembentukan Komuniti
Sejahtera

RASIONAL LOGO MPS



LAGU & BUNGA RASMI MPS



Lagu RASMI

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.

Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuah Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang
Bersama MPS Kita Jayakan
Menuju Wawasan Negara.

Mampan Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memangkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.

MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

(Ulang Korus I)

Bunga RASMI



**BUNGA SIANTAN IXORA
SUNKIST**

PENGELASAN SAINTIFIK

ALAM	:	Tumbuhan
DIVISI	:	Magnoliophyta
KELAS	:	Magnoliopsida
ORDER	:	Gentianales
FAMILI	:	Rubiaceae
GENUS	:	Ixora
SPESIES	:	I. jawa
BINOMIAL	:	Ixora jawa

Kawasan Pentadbiran MPS



MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
(MDHS)




MAJLIS
DAERAH KUALA
SELANGOR
(MDKS)



MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM
(MBSA)




MAJLIS PERBANDARAN BENTONG (MPBENTONG)




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

**DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR
(DBKL)**



Demografi penduduk

analisa demografi terkini



Kawasan pentadbiran Selayang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi dengan statistik sehingga tahun 2017 adalah pada kadar 677 ribu dan anggaran pada tahun 2030 mencecah 1 juta penduduk.

lelaki

51.7% (350,760)



wanita

48.3% (331,446)



NISBAH 106 LELAKI
UNTUK SETIAP 100
WANITA




isi rumah
167,530



Purata Saiz Isi Rumah
4.1 ORANG / ISI RUMAH

kelas
umur 2017



Barisan Pengurusan

Majlis Perbandaran Selayang 2020



Dato' Dr. Juhari bin Ahmad
Timbalan Yang Dipertua MPS
(Sehingga 31 Julai 2020)

**Tuan Haji Shamsul Shahril
Badliza bin Mohd Noor**
Yang Dipertua MPS

Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua MPS.
(Bermula 16 Oktober 2020)



Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Selayang 2020



Dato' Dr. Juhari bin Ahmad
Timbalan Yang Dipertua MPS
(Sehingga 31 Julai 2020)

**Tuan Haji Shamsul Shahril
Badliza bin Mohd Noor**
Yang Dipertua MPS

Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua MPS.
(Bermula 16 Oktober 2020)



Tuan Amir Fazlee
bin Khalid
Zon 1 (Pemangku)




YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja
Dato' Hj. Wan Mahmood bin
Pa'wan Teh
Zon 2



Puan Anfaal binti Saari
Zon 3



Tn Anuar bin Jasmin
Zon 4



Pn. Ruhanah binti Masruki
Zon 5



Tuan Amir Fazlee
bin Khalid
Zon 6



Tuan Deveandran
A/L Selvaraju
Zon 7



Tuan Mohammad
Faizal bin Ismail
Zon 8



Tuan Muhammad
Shamsuzzaman bin Mohd.
Suhaimi
Zon 9



Tuan Ahmad Zahiri bin
Zahir Sofian
Zon 10



Tuan Mohd Kassim
bin Packiry
Zon 11



Tuan U Chin Ong
Zon 12



Puan Tam Kar Lye
Zon 13



Tuan Md. Sabri bin Md. Taib
Zon 14



Tuan Muhammad
Najmi bin Samsudin
Zon 15



Tuan Saravanan A/L
Muniyandy
Zon 16



Puan P.mariammal A/P
S.ponnusamy
Zon 17



Puan Loo Voon May
Zon 18



Pn. Hjh. Salasiah binti Hj.
Disa
Zon 19




Tn. Ranjan bin Che' Ros
Zon 20



Puan Zuraidah
binti Abdul Majid
Zon 21



Tuan Ng Kok Chuan
Zon 22



Tuan Ng Wei Keong
Zon 23



Tuan Fok Wai Mun
Zon 24



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020 Majlis Perbandaran Selayang dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai, serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Selayang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Selayang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan


Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan dasar kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Selayang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan dasar perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Selayang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis Perbandaran Selayang berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

SHAH ALAM, SELANGOR
25 NOVEMBER 2021



MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

	NOTA	2020 RM	2019 RM
ASET			
Aset Semasa:			
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	43,556,203	41,395,619
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	107,245	432,404
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	4,853,329	7,502,529
Simpanan Tetap	6	435,000,000	435,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	4,286,638	5,055,223
Inventori Bangunan	8	1,456,000	1,484,000
Jumlah Aset Semasa		489,259,415	490,869,775
Aset Bukan Semasa			
Simpanan Tetap	6	30,000,000	-
Hartanah, Loji dan Peralatan	9	1,057,293,333	820,429,546
Hartanah Pelaburan	10	7,354,072	7,823,128
Aset Tak Ketara	11	444,200	442,816
Aset Dalam Pembinaan	12	-	616,639
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,095,091,605	829,312,129
Jumlah Aset		1,584,351,020	1,320,181,904
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	13	155,003,021	169,802,346
Akaun Amanah	14	223,043,350	205,334,983
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	823,887	1,005,921
Pinjaman Sewa Beli	16	1,185,721	1,225,350
Jumlah Liabiliti Semasa		380,055,979	377,368,600
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	1,550,258	1,178,989
Pinjaman Sewa Beli	16	2,070,719	1,753,958
Pendapatan Tertunda	17	369,838	308,520
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		3,990,815	3,241,467
Jumlah Liabiliti		384,046,794	380,610,067
Aset Bersih		1,200,304,226	939,571,837
EKUITI:			
Kumpulan Wang Majlis	18	1,199,817,983	939,112,398
Tabung Khas Kakitangan	19	486,243	459,439
Jumlah Ekuiti		1,200,304,226	939,571,837

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 42 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	2020 RM	2019 RM
<u>HASIL</u>			
Urusniaga Bukan Pertukaran	20	426,631,488	185,889,790
Urusniaga Pertukaran	21	22,817,618	23,374,350
Pelbagai Hasil	22	<u>6,911,605</u>	<u>7,883,224</u>
JUMLAH HASIL		<u>456,360,711</u>	<u>217,147,364</u>
<u>PERBELANJAAN</u>			
PERBELANJAAN MENGURUS			
Emolumen	23	52,919,272	55,231,507
Perkhidmatan dan Bekalan	24	53,481,614	55,077,207
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	25	188,194	358,601
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	26	<u>43,758,107</u>	<u>34,070,056</u>
		<u>150,347,187</u>	<u>144,737,371</u>
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Perkhidmatan dan Bekalan	27	84,746,849	77,298,725
Aset	28	834,419	799,760
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	29	42,781	394,476
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	30	<u>84,902</u>	<u>75,727</u>
		<u>85,708,951</u>	<u>78,568,688</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>236,056,138</u>	<u>223,306,059</u>
LEBIHAN / (KURANGAN) BAGI TAHUN		<u>220,304,573</u>	<u>(6,158,695)</u>

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 42 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.



JABATAN PERBENDAHARAAN

JABATAN PERBENDAHARAAN



► **Pengarah Jabatan**
Tuan Haji Az'har Bin Samsuri

► **Timbalan Pengarah**
Puan Rohayu Binti Ramli

► **Ketua Kerani**
Puan Zamilah Binti Mohd
Noor

► **Bahagian / Unit**

- Bhg. Hasil
- Bhg. Kewangan
- Bhg. Pentadbiran

► **Jumlah Kakitangan**
68 orang

Sayap A, Tingkat 1,
Menara MPS
03-6126 5953

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS. Jabatan ini diketuai oleh Tn. Hj. Az'har bin Samsuri sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh 68 orang kakitangan di bawahnya.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Mewujudkan sistem perakaunan Majlis Perbandaran Selayang dengan berasaskan kepada prinsip - prinsip perakaunan, arahan perbendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan Majlis.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan Mesyuarat Majlis dan menyediakan penyata kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran Majlis.



JABATAN PERBENDAHARAAN

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2020 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

ANGGARAN HASIL	JUMLAH (RM)	%
HASIL CUKAI	115,687,000	59
HASIL BUKAN CUKAI	72,756,870	37
TERIMAAN BUKAN HASIL	9,156.130	5
JUMLAH	197,600,000	100
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS	JUMLAH (RM)	%
EMOLUMEN	43,945,010	32
PERKHIDMATAN & BEKALAN	82,460,950	60
ASET	1,723,910	1
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	3,900,020	3
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	5,754,100	4
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	137,783,990	70
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	JUMLAH (RM)	%
PERKHIDMATAN & BEKALAN	57,222,190	96
ASET	1,603,820	3
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	340,000	1
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	650,000	1
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	59,816,010	30
JUMLAH PERBELANJAAN	197,600,000	100
SURPLUS (DEFISIT)	0	

BERIMBANG



JABATAN KORPORAT

JABATAN KORPORAT



► **Pengarah Jabatan**
Encik Mohamad Zin bin Masoad

► **Timbalan Pengarah**
Encik Ahmad Fauzi bin Ishak

► **Ketua Kerani**
Puan Atiqah binti Yahya

► **Bahagian / Unit**
• Bhg. Perhubungan Awam
• Bhg. Aduan
• Bhg. Inovasi
• Bhg. Penerbitan

► **Jumlah Kakitangan**
28 orang

Sayap B, Tingkat 7
Menara MPS
03-6126 5824

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Perhubungan Awam, Penerbitan, Inovasi dan Aduan. Jabatan Korporat diketuai oleh En. Mohamad Zin bin Masoad sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 28 orang staf dibawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat Majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada Media Massa
- Mengumpul keratan akhbar bagi berita berkaitan MPS untuk maklum balas tindakan.
- Menerima dan menyeiras aduan awam untuk tindakan.
- Menyelaeras semua acara dan program rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urus setia program kualiti dan penyertaan anugerah.
- Mengendalikan Platform Sosial Media MPS.



JABATAN KORPORAT

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

PROGRAM RASMI MPS BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2020

BIL	PROGRAM/ MAJLIS RASMI	LOKASI	TARIKH
1.	Perhimpunan Tahun Baharu 2020 Peringkat Majlis Perbandaran Selayang	Lobi Menara MPS	6 Januari 2020
2.	Kunjungan Hormat Daripada Persatuan Pemaju Hartanah & Perumahan Malaysia (REHDA) Cawangan Selangor Ke MPS	Bilik Anggerik, Tingkat 9	6 Januari 2020
3.	Kunjungan Hormat Daripada Tenaga Berhad Nasional (TNB) Kuala Lumpur Ke MPS	Bilik Anggerik, Tingkat 9	6 Januari 2020
4.	Program Kebun Komuniti dan Pertandingan 'Edible Garden' Di bawah LA 21 Peringkat MPS Tahun 2019	Kebun Komuniti, Taman Samudera	18 Januari 2020
5.	Majlis Meraikan Pesara MPS	Dewan Keraian MPS	30 Januari 2020
6.	Majlis Penutup Program Benteras Denggi MPS bersama UKM dan BASF (07/03/2020)	Surau Al-Azzah, Taman Samudera	7 Mac 2020
7.	Kejohanan Tenpin Boling Berpasukan Wanita Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat MPS 2020	Wangsa Bowl, Selayang Mall	8 Mac 2020
8.	Perhimpunan Bulanan MPS Mac 2020	Lobi MPS	13 Mac 2020
9.	Majlis Penyampaian Bantuan Khas Majikan Prihatin Covid-19 MPS	Lobi MPS	13 Mei 2020
10.	Majlis Penyerahan Sijil Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2020 Peringkat Majlis Perbandaran Selayang	Bilik Keraian MPS	30 Jun 2020
11.	Majlis Sambutan Hari Penguatkuasa Ke-38 Peringkat MPS	Dataran MPS	8 Julai 2020
12.	Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan & Sumbangan Makan Tengahari Kepada Barisan Hadapan MPS Sempena Program Penghargaan & Terima Kasih Barisan Hadapan Malaysia Daerah Gombak Tahun 1441/2020M	Lobi Bangunan Lama	14 Julai 2020
13.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang APC 2019	Dewan Keraian MPS	22 Julai 2020
14.	Majlis Perpisahan Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS	Lobi MPS	7 Ogos 2020
15.	Program Sambutan Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPS	Dataran MPS	17 Ogos 2020
16.	Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan & Sumbangan Makan Tengahari Kepada Barisan Hadapan MPS Sempena Program Penghargaan & Terima Kasih Barisan Hadapan Majlis Daerah Gombak	Lobi Bangunan Lama	14 Julai 2020

JABATAN KORPORAT

BIL	PROGRAM/ MAJLIS RASMI	LOKASI	TARIKH
17.	Program Tatacara Pembangunan Tanah Di Kawasan Pentadbiran MPS	Le Garden Pavillion, Gamuda Kundang	12 Ogos 2020
18.	Program Simposium Ekspedisi Saintifik Batu Caves & Pelancaran Guide Book Of Batu Caves	Perpustakaan PPAS	26 September 2020
19.	Perasmian Bagi Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat MPS	Dewan Jalan Sepakat, Kg Melayu Batu 16 Rawang	26 September 2020
20.	Mesyuarat Penuh Bulan Oktober 2020 & Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Sebagai Timbalan Yang Dipertua MPS	Bilik Siantan, Tingkat 1 MPS	28 Oktober 2020
21.	Program Bantuan Khas Kepada Petugas Barisan Hadpaan Anggota PDRM, ATM & RELA sempena PKPB Gombak 2020	SJR Tol Rawang Utara SRJ Tol Gombak	5 November 2020
22.	Majlis Sambutan Hari Inovasi & Integriti & Perhimpunan Bulan Disember Tahun 2020 Peringkat MPS	Dewan Keraian Tingkat 8 MPS	7 Disember 2020
23.	Program Ceramah Integriti : 'Peningkatan Prestasi Kerja (Work Performance) & Langkah-Langkah Mengatasi Stress Dalam Kerja Yang Mencabar'	Dewan Keraian Tingkat 8 MPS	7 Disember 2020
24.	Majlis Sambutan Hari Inovasi & Integriti & Perhimpunan Bulan Disember Tahun 2020 Peringkat MPS	Dewan Keraian Tingkat 8 MPS	7 Disember 2020
25.	Majlis Pelancaran Bayaran Cukai Taksiran Dan Aplikasi MyMPS 2021	Dewan Keraian	21 Disember 2020

BAHAGIAN PENGADUAN AWAM

Aduan Pelanggan

Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2020 adalah sebanyak 14,947 aduan. Sebanyak 14,947 aduan telah berjaya diselesaikan dan jumlah peratus keseluruhan bagi penyelesaian aduan adalah sebanyak 100%.

Setiap aduan yang diterima akan dipanjangkan kepada jabatan berkaitan dan pemantauan dilakukan dari masa ke semasa oleh Jabatan Korporat agar setiap aduan dapat diselesaikan dengan segera. Berdasarkan statsistik dapat dilihat peningkatan aduan yang diterima bagi tahun 2019 dan 2020. Walau bagaimanapun, Jabatan Korporat sentiasa memastikan setiap jabatan berkaitan berusaha mengambil tindakan dan penyelesaian yang berkesan dalam menangani aduan terutama aduan berulang.

Mesyuarat Penyelesaian Aduan diadakan sebulan sekali bagi membantu jabatan membincangkan dan menyelesaikan aduan-aduan yang tertunggak dan perlukan perhatian jabatan.

Jumlah Aduan Mengikut Saluran Pengaduan

BIL	SALURAN PENGADUAN	JUMLAH
1.	Telefon	4641
2.	e-Aduan	4103
3.	Mobile	2279
4.	emel	2246
5.	Datang Sendiri	1310

Jumlah Aduan Mengikut Kawasan Majlis

BIL	KAWASAN	JUMLAH ADUAN
1.	Mukim Batu	7,910
2.	Mukim Rawang	6,399
3.	Mukim Setapak	638
	Jumlah	14,947

Hari Bertemu Pelanggan Bagi Tahun 2020

BIL	BULAN	BILANGAN PELANGGAN	TARIKH PROGRAM
1.	Januari	90	24 Januari 2020
2.	Mac	77	6 Mac 2020
	Jumlah	167	

Mesyuarat Penyelesaian Aduan Bagi Tahun 2020

BIL	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN
1.	09 Januari 2020	BIL.1/2020
2.	14 Februari 2020	BIL.2/2020
3.	12 Mac 2020	BIL.3/2020
4.	18 Jun 2020	BIL.4/2020
5.	16 Julai 2020	BIL.5/2020
6.	15 Oktober 2020	BIL.6/2020
7.	17 Disember 2020	BIL.7/2020

Mesyuarat Aduan Bersama Ahli Majlis Bagi Tahun 2020

BIL	TARIKH MESYUARAT	BILANGAN
1.	31 Januari 2020	BIL.1/2020
2.	28 Februari 2020	BIL.2/2020
3.	24 Jun 2020	BIL.3/2020
4.	29 Julai 2020	BIL.4/2020
5.	28 Ogos 2020	BIL.5/2020
6.	30 September 2020	BIL.6/2020
7.	30 November 2020	BIL.7/2020

Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan di setiap kaunter hadapan MPS. Selaras dengan misi dan visi untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, maklum balas orang ramai telah dibuat analisa setiap bulan bagi memperbaiki sistem perkhidmatan dan penambahbaikan dan dibentangkan kepada pihak pengurusan dalam mesyuarat koordinasi jabatan.

Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan di MPS

BIL	PERKARA	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CERMELANG
1.	Adakah anda berpuas hati dengan keseluruhan kualiti perkhidmatan yang diberikan?	1.3%	9.7%	81.6%	7.4%
2.	Adakah perkhidmatan yang diberikan menepati masa?	1.4%	9.8%	82.5%	6.3%
3.	Bagaimanakah layanan yang diberi ketika berurusan di kaunter?	1.0%	8.8%	85%	5.2%
4.	Adakah anda berpuas hati dengan pengendalian yang dijalankan di jabatan / kaunter berkenaan?	0.8%	9.7%	83.2%	6.3%

JABATAN KORPORAT

BAHAGIAN INOVASI

SENARAI ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (2020)

BIL	NAMA ANUGERAH / PENCAPAIAN	ACARA / KATEGORI	JABATAN	TARIKH / TAHUN	TEMPAT / AGENSI PEMBERI ANUGERAH	PENCAPAIAN
1.	Anugerah Sustainable Cities and Commenities	Bank kitar Semula Sekolah MPS	Perancang Bandar (LA21), Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JK 3K)	2020	Plan Malaysia@ Selangor	Penghargaan Sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2020
2.	Program Pengukuran Tahap Kemampunan Bandar Malaysia (MURNInets 2.0)	Perbandaran (Pihak Berkuasa Tempatan)	Perancang Bandar	2020	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), PLAN Malaysia	Pencapaian status Bandar Mampan 2020
3.	LCC 2030 Challenge	LCC Partner (Pihak Berkuasa Tempatan)	Perancang Bandar	2020	Malaysia Green Technology and Climate Change Centre	Penganugerahan Berlian bagi Perlaksanaan Pengurangan Karbon Kompleks Pentadbiran MPS
4.	Mendapat Peruntukan Sebanyak Rm302,550 Dari Pihak Kerajaan Negeri Selangor Bagi Program Kawalan Haiwan Di Majlis Perbandaran Selayang	Penjimatan	Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan		Kerajaan Negeri Selangor	
5.	Sijil Penyata Kewangan 2019	Perakaunan	Perbendaharaan	8 September 2020	Jabatan Audit Negara	Sijil Tanpa Teguran
6.	Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020	Kategori PBT Kategori Peningkatan Imej	Majlis Perbandaran Selayang	2020	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	5 Bintang Tempat ke-2
7.	Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 (QMS) oleh SIRIM QAS International	Kategori PBT Kategori Peningkatan Imej	Majlis Perbandaran Selayang	2020	SIRIM QAS Internatonal	Pensijilan Semula
8.	Pemantauan Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) oleh SIRIM QAS International	Kategori PBT Kategori Peningkatan Imej	Majlis Perbandaran Selayang	2020	SIRIM QAS Internatonal	Sijil Pemantauan



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



► Pengarah Jabatan

Puan Mazurah binti Mohamed

► Timbalan Pengarah

Puan Su @ Noor Hafizah binti Mohamad Lasim

► Ketua Kerani

- Puan Jamaliah binti Ahmad
- Puan Rosmah binti Mohd Isa

► Bahagian / Unit

- Bhg. Sumber Manusia
- Bhg. Pentadbiran
- Bhg Khidmat Pengurusan

► Jumlah Kakitangan

61 orang

Sayap A, Tingkat 7

Menara MPS

03-6126 5812

Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) MPS bertanggungjawab menguruskan hal ehwal sumber manusia seperti urusan pelantikan, kenaikan gaji, pengurusan cuti dan penceن, pinjaman perumahan dan tatatertib kakitangan MPS. Selain daripada itu, JKP juga menguruskan dan menyelia latihan kakitangan seperti kursus, bengkel, seminar, mesyuarat luar serta perperiksaan.

Di samping menguruskan pembekalan aset dan stok bekalan pejabat termasuk perolehan dan pembayaran bagi perkhidmatan dan pembekalan, JKP turut terlibat dengan perlindungan insurans tanggungan awam, bangunan dan aset serta urusan panel perubatan kakitangan, pegawai dan ahli majlis. JKP diketuai oleh Puan Mazurah Binti Mohamed sebagai Pengarah dengan dibantu oleh 61 orang kakitangan beliau. JKP mempunyai tiga Bahagian Utama yang berfungsi seperti berikut :

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

- Menguruskan dan memantau segala urusan Pembangunan Organisasi bagi memastikan agensi mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dalam menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Menguruskan dan memantau segala urusan Pengurusan Sumber Manusia bagi memastikan agensi menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Menyelaras dan memantau segala urusan berkaitan kursus/ seminar/ bengkel/ lawatan untuk semua wargakerja MPS bagi memastikan kecekapan dan peningkatan prestasi kerja dikalangan warga kerja.
- Menyemak serta memperakarkan urusan pinjaman bagi memastikan urusan pinjaman MPS mematuhi peraturan dan SOP.
- Menyelaras dan memantau kquarters MPS bagi memastikan segala urusan yang berkaitan kquarters MPS berjalan dengan baik.
- Memantau pengurusan Taska MPS bagi memastikan Taska berada di dalam keadaan yang baik.
- Memantau dan menyelaras aktiviti AKRAB MPS.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan Human Resource Management Information System (HRMIS).

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Menyelaras dan memantau hal ehwal pengurusan kenderaan/pemandu Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan setiap pergerakan kenderaan/pemandu berjalan lancar.
- Menyelaras dan memantau pengurusan kebajikan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kebajikan tanggungan dijaga.
- Mengurus dan menyelia Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kawalan keselamatan dokumen, peribadi dan fizikal dilaksanakan mengikut akta yang berkuatkuasa.
- Menyelaras Jawatankuasa Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan Pelan Pengurusan Risiko setiap jabatan dalaman dilaksanakan dan dikemaskini.
- Menyelaras operasi di Unit Operator.

BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Menyelaras dan memantau hal ehwal pengurusan kenderaan/pemandu Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan setiap pergerakan kenderaan/pemandu berjalan lancar.
- Menyelaras dan memantau pengurusan kebajikan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kebajikan tanggungan dijaga.
- Mengurus dan menyelia Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kawalan keselamatan dokumen, peribadi dan fizikal dilaksanakan mengikut akta yang berkuatkuasa.
- Menyelaras Jawatankuasa Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan Pelan Pengurusan Risiko setiap jabatan dalaman dilaksanakan dan dikemaskini.
- Menyelaras operasi di Unit Operator.

PIAGAM PELANGGAN

- Menguruskan pelantikan staf ke atas kekosongan jawatan secara hakiki dalam tempoh 3 bulan dari kekosongan.
- Memastikan Memastikan perakuan keputusan temuduga di bawa ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh 30 hari bekerja.
- Memproses dokumen pengesahan dalam jawatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas semua syarat dipenuhi.
- Memastikan semua pegawai dan kakitangan mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.
- Mengesahkan tuntutan bayaran bagi pembekalan, perkhidmatan dan kerja berdasarkan tarikh terimaan Pesanan Tempatan (L/O) daripada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh 7 hari bekerja.



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

LAPORAN LANTIKAN BAHARU MPS TAHUN 2020

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	0	0	0
Pengurusan dan Profesional	1	3	4
Pelaksana – Sokongan I (Gred B &C) Sokongan II (Gred D)	3 10	4 9	7 19
JUMLAH	14	16	30

LAPORAN PERJAWATAN MPS TAHUN 2020

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	1	0	1
Pengurusan dan Profesional	49	17	66
Pelaksana – Sokongan I (Gred B &C) Sokongan II (Gred D)	387 274	306 74	693 348
JUMLAH	711	397	1108

UNIT LATIHAN

Pelaksanaan Kursus Tahun 2020

- a) Kursus Dalaman : 133
- b) Kursus Luaran : 174

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

JUMLAH PENCAPAIAN BILANGAN KAKITANGAN HADIRI KURSUS TAHUN 2020

BIL.HARI BERKURSUS	JUMLAH KAKITANGAN	PERATUS %
>7	237	22.97
6	47	4.55
5	67	6.49
4	90	8.72
3	122	11.82
2	159	15.41
Puan Norsalina binti Mohd Nor

► Bahagian / Unit

- Bhg. Sukan & Kebudayaan
- Bhg. Belia & Kemasyarakatan
- Bhg. Pentadbiran

► Jumlah Kakitangan

19 orang

Sayap A, Tingkat 8
Menara MPS
03-6126 5808

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Pembangunan dan Pengurusan Aktiviti Sukan & Rekreasi, Pengembangan Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian, Pembangunan Generasi Muda dan Pembangunan Komuniti & Khidmat Sosial.

Jabatan Pembangunan Masyarakat bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan yang berbentuk pembangunan modal insan dan khidmat sosial, generasi muda, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan kesenian serta menjadi pemudah cara yang mesra kepada warga perbandaran Selayang serta mewujudkan sebuah komuniti yang cergas, positif dan bermaklumat. Jabatan Pembangunan Masyarakat diketuai oleh Tuan Haji Azmi Bin Ismail selaku pengarah jabatan dan dibantu oleh seramai 19 orang staf di bawah seliaan beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan sukan yang meliputi semua peringkat umur untuk masyarakat Selayang.
- Menyelaras, mengurus dan mengkoordinasikan program bersama komuniti seperti sukan dan kebudayaan, generasi muda dan kemasyarakatan yang melibatkan Majlis diperingkat agensi, daerah, negeri dan kebangsaan.
- Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada semua peringkat yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, swasta, pertubuhan sukan dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.
- Memberi khidmat nasihat dan menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam masyarakat dengan pihak Majlis bagi melaksanakan program-program komuniti setempat.
- Merancang, menyelaras dan menggerakkan program / aktiviti kebudayaan dan kesenian sepanjang tahun di Selayang melalui pendekatan yang bersesuaian kepada masyarakat setempat.
- Memproses permohonan tuntutan perbelanjaan peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program kemasyarakatan yang boleh menggalakkan penyertaan dan peranan aktif masyarakat dalam program Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Majlis.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan generasi muda yang dianjurkan dan disertai memberi manfaat kepada semua golongan generasi muda seterusnya diiktiraf keterlibatannya.

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN

- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti sukan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, menyusun dan mengawal program-program sukan untuk membentuk masyarakat cergas, sihat, berdisiplin, dinamik, tahan lasak dan berdikari dan secara langsung untuk menuju ke arah pencapaian kecemerlangan sukan.
- Mengurus dan menyelaras penyertaan pasukan MPS dalam persiapan menghadapi kejohanan - kejohanan sukan tempatan dan kebangsaan iaitu Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN), Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Selangor (SKT), Kejohanan Sukan Pihak Berkua Tempatan Malaysia (MALA), Kejohanan Sukan MAKSAK Malaysia.
- Mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjuran program untuk masyarakat seperti memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan untuk mewujudkan masyarakat sihat, cergas dan bersatupadu.
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu program bersama masyarakat.
- Menyelaras pasukan-pasukan anak angkat SUKMA dan MAKSAK Negeri Selangor melalui Program Bapa Angkat yang diterajui oleh Majlis Sukan Negeri Selangor dan MAKSAK Negeri Selangor.
- Mewujudkan dan mengetengahkan sukan minoriti yang melibatkan golongan komuniti orang kelainan upaya (OKU), warga emas, wanita dan kanak-kanak yang saling berhubungan antara sub komuniti dan individu melalui pelbagai program sukan khas yang dirancang.

Sepanjang tahun 2020, hanya satu (1) aktiviti sukan yang dianjurkan dan hampir kesemua aktiviti yang telah dirancang sama ada di peringkat majlis atau penyertaan daripada agensi luar telah dibatalkan dan tidak didapat dilaksanakan berikutan pelaksanaan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Standard of Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM SUKAN MPS 2020

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Kejohanan Tenpin Boling Berpasukan Wanita Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia	08/03/2020	Wangsa Bowl, Selayang Mall

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN & KESENIAN

Menyelaras semua program, aktiviti & persembahan kumpulan kebudayaan MPS :-

- Kumpulan Gamelan
- Kumpulan Kugiran
- Kumpulan Koir

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- Menyelaras dan menyelenggara peralatan muzik kumpulan kebudayaan MPS.
- Mengatur langkah-langkah mengelola, mentadbir dan melaksanakan rancangan-rancangan mengenai dengan kebudayaan dan keseniaan.
- Menerima tempahan dari pelanggan dan membuat persembahan di peringkat Majlis atau luar bagi kumpulan kebudayaan MPS.
- Merancang dan melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara bagi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan keseniaan berhubung publisiti, promosi dan kempen.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kebudayaan dan keseniaan yang meliputi semua kaum di seluruh kawasan MPS.
- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian.
- Merancang dan mengembangkan seni budaya kepada generasi baru melalui pendekatan yang bersesuaian bagi meneruskan usaha memartabatkan seni budaya ke peringkat yang lebih tinggi.
- Memartabatkan semula warisan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum bagi tujuan pendidikan dan sumber rujukan bagi generasi yang akan datang.

Sepanjang tahun 2020, hanya 2 aktiviti dan tempahan jemputan persembahan yang telah diterima dan disertai oleh kumpulan kebudayaan MPS.

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM KEBUDAYAAN MPS 2020

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1	Tempahan Kugiran sempena Majlis Hi-Tea "Jasa Dikenang, Budi Disanjung" dan Meraikan Pesara MPS Tahun 2019	30/01/2020	Lobi, Menara MPS
2	Anjuran ANULAE Cawangan MPS Kelas Muzik Bagi Kumpulan Gamelan, Majlis Perbandaran Selayang Bagi Tahun 2020	02/03/2020, 04/03/2020 & 11/03/2020	Studio Muzik MPS

BAHAGIAN KEMASYARAKATAN DAN KHIDMAT SOSIAL

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 2 program di bawah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan 4 program utama MPS telah dilaksanakan.



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

BIL	PERKARA	JKP	TARIKH	TEMPAT
1	Program Motivasi Perdana UPSR 2020 Peringkat Zon 11 MPS	11	21/02/2020	Dewan Serbaguna, SK Bandar Baru Selayang 2
2	Pertandingan Memancing Raja Tasik Biru 2020	19	01/03/2020	Kolam Memancing Tasik Biru Kundang
3	Program Agihan Bantuan Makanan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) - Misi Bantuan Covid-19 KPKT	JPM	23/04/2020	Kawasan zon merah dalam Laporan 'Hot Spot' Covid-19
4	Bantuan Edaran Bekalan Makanan Kepada Penduduk Sewaktu Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selayang Baru	JPM	27/04/2020 – 15/05/2020	PKPD di Selayang Baru
5	Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif Di Bandar Fasa 2 Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)	JPM	08/07/2020 – 26/08/2020	Kawasan Pentadbiran MPS
6	Program Bantuan Khas Kepada Petugas Barisan Hadapan Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Dan RELA Sempena Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Daerah Gombak 2020	JPM	05/11/2020	Sekatan Jalan Raya Tol Gombak dan Sekatan Jalan Raya Tol Rawang
7	Program Big Boys' Talk (SHIELDS) 2020	JPM	10/11/2020	Rumah Penyayang Darul Ilmi
8	Program Ceria Kembali Ke Sekolah 2020	JPM	10/12/2020	Edaran Baucer Pembelian Kepada Rumah-Rumah Pertubuhan & Persendirian Melalui Sekolah

BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) ditubuhkan selaras dengan arahan YAB Dato' Menteri Besar dalam usaha membangunkan belia di Selangor. PeBT juga merupakan jentera pelaksanaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia dan sukan di peringkat akar umbi. Pada tahun 2020, sebanyak 19 program PeBT peringkat Zon JKP dan 1 program utama MPS telah dilaksanakan.

BIL	PERKARA	ZON	TARIKH	TEMPAT
1.	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	1	21/11/2020 – 22/11/2020	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
2.	Online Radio (Hub Hebahan Maklumat Digital Setempat)	2	12/09/2020	Masjid Al-Syakirin, Gombak

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

BIL	PERKARA	ZON	TARIKH	TEMPAT
3	Bengkel Bisnes Online : Belia Kuasai Dunia Perdagangan	3	05 – 06 & 12 – 13/12/2020	Aplikasi Onlie : Zoom & Google Meet
4	Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat PeBT Majlis Perbandaran Selayang 2020	4	16/09/2020	Dewan Sri Siantan, Jalan Sungai Tua
5	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	5	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
6	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	6	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
7	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	8	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
8	Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat PeBT Majlis Perbandaran Selayang 2020	9	16/09/2020	Dewan Sri Siantan, Jalan Sungai Tua
9	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	10	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
10	Motivasi Perdana UPSR 2020	11	25/02/2020	SK Bandar Baru Selayang 2, Selayang
11	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	11	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
12	Bengkel Kepimpinan	14	05 – 06/12/2020	Batu Arang Homestay, Rawang
13	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	15	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
14	Perbandaran Selayang Jelajah Anak Muda PeBT Majlis	16	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
15	Perbandaran Selayang Jelajah Anak Muda PeBT Majlis	17	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
16	Perbandaran Selayang Jelajah Anak Muda PeBT Majlis	18	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
17	Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat PeBT Majlis Perbandaran Selayang 2020	19	16/09/2020	Dewan Sri Siantan, Jalan Sungai Tua
18	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	20	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
19	Jelajah Anak Muda PeBT Majlis Perbandaran Selayang	21	21/11/2021 – 22/11/2021	Gombak, Selayang & Sungai Buloh
20	Bengkel Retreat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS 2020	JPM	29/02/2020 – 02/03/2020	Bella Vista, Pulau Langkawi, Kedah



JABATAN AUDIT DALAM

JABATAN AUDIT DALAM



► Pengarah Jabatan

Puan Zulaina binti Abu Talib

► Timbalan Pengarah

Puan Khairina binti Mohd Kadry

► Ketua Kerani

TIADA

► Bahagian / Unit

- Unit Prestasi & Pengurusan Kewangan
- Unit Tadbir Urus
- Bhg. Pentadbiran

► Jumlah Kakitangan

9 orang

Sayap B , Tingkat 6
Menara MPS
03-6126 5836

Jabatan Audit Dalam Majlis Perbandaran Selayang telah diwujudkan pada tahun 2003 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004. Jabatan Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Laporan Audit yang dihasilkan adalah berdasarkan semakan dan pemerhatian fizikal serta soal jawab bersama auditee dalam memberi pendapat dan syor yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Aktiviti pengauditan yang dijalankan memberi penekanan kepada aspek-aspek pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan berkaitan dengan organisasi, dasar, peraturan dan prosedur yang telah dikuatkuasa bagi mengukuhkan sistem kawalan dalaman, kewangan dan pentadbiran.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Audit Dalam MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memeriksa dan mengkaji kelancaran serta kesesuaian perjalanan sistem kawalan dalaman Majlis yang telah sedia ada. Seterusnya mengemukakan cadangan pembetulan bagi memperbaiki sebarang kepincangan yang dikenalpasti.
- Melaksanakan tugas audit pengurusan dengan menyemak dan meneliti perjalanan serta operasi pengurusan setiap jabatan untuk memastikan pergerakannya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar-dasar yang telah ditetapkan.
- Menjalankan Audit Prestasi ke atas projek-projek Majlis yang telah dijalankan dengan meneliti sama ada ianya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Menjalankan tugas audit kewangan ke atas setiap hal ehwal pengurusan kewangan Majlis untuk memastikan beberapa prinsip audit kewangan dipatuhi.
- Menjalankan audit pematuhan/ khas dengan mengesan perbuatan salah laku penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- Menjalankan siasatan ke atas aduan dan kes-kes yang melibatkan tatatertib.

JABATAN AUDIT DALAM

LAPORAN TAHUNAN JABATAN AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2020

BIL	PERKARA	KUANTITI SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN	JUMLAH
1.	Audit Tadbir Urus	4 laporan	4 laporan	100 %	Pengurusan mempunyai struktur, sistem dan prosedur bagi mencapai matlamat pengurusan yang berkesan.
2.	Audit Pengurusan Kewangan	6 laporan	6 laporan	100 %	Menentukan sama ada pengurusan kewangan di jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.
3.	Audit Prestasi	4 laporan	4 laporan	100 %	Menilai sama ada aktiviti dan projek Majlis dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
4.	Audit Khas (Ad-hoc)	4 laporan	4 laporan	100 %	Audit yang dijalankan berdasarkan arahan daripada pihak pengurusan MPS atau aduan yang diterima.





JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN



► **Pengarah Jabatan**

Encik Hafizan bin Khamis

► **Timbalan Pengarah**

Puan Aisah binti Zabari

Ketua Kerani

► Puan Harslina binti Ariff

► **Bahagian / Unit**

TIADA

► **Jumlah Kakitangan**

11 orang

Sayap B, Tingkat 6

Menara MPS

03-6126 5838

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab mengendalikan 8 aktiviti utama iaitu menyemak penjualan dan menyediakan dokumen, menyediakan dokumen tender, menguruskan penjualan dokumen sebutharga dan tender termasuk menyediakan notis iklan, menyediakan laporan penilaian sebutharga/tender, menyemak dokumen kontrak, mengurusetriakan mesyuarat jawatankuasa sebutharga dan tender, mesyuarat jawatankuasa teknikal dan kewangan, perunding dan pelupusan aset.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menguruskan proses tender dan sebutharga bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan termasuk membuat kajian harga pasaran.
- Menguruskan penyediaan dokumen kontrak bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender, Jawatankuasa Sebutharga dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.

Pelaksanaan Sebut harga Dan Tender Terbuka

BIL	PERKARA	2019
1.	Tender	48
2.	Sebut harga	143
	JUMLAH	191

Pelaksanaan Sebut harga Dan Tender Mengikut Pecahan

BIL	PERKARA	2020
1.	Bekalan	19
2.	Perkhidmatan	23
3.	Kerja	149
	JUMLAH	191



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



► Pengarah Jabatan

Encik Hasmawi bin Mat
Junit

► Timbalan Pengarah

Puan Zuriati binti Karia

► Ketua Kerani

Puan Roslina binti Mazlan

► Bahagian / Unit

- Bhg. Pentadbiran, Sokongan & Keselamatan
- Bhg. Aplikasi SIM & Latihan
- Bhg. Teknikal & Pengurusan Aset

► Jumlah Kakitangan

24 orang

Sayap B , Tingkat 1
Menara MPS
03-6126 5944

Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras terhadap semua keperluan perkakasan ICT, sistem aplikasi, sistem rangkaian komputer, keselamatan pangkalan data Majlis dan penyelenggaraan laman web Majlis. Jabatan ini diketuai oleh Encik Hasmawi bin Mat Junit sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu oleh 24 orang staf di bawah beliau.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Merancang dan mengurus aktiviti perkomputeran majlis seperti keselamatan ICT, jaringan rangkaian dan pembekalan peralatan komputer majlis.
- Merancang, merekabentuk dan membangunkan sistem aplikasi untuk menyokong operasi majlis.
- Mengurus dan mentadbir dan pengoperasian pusat data.

AKTIVITI SISTEM

Majlis Perbandaran Selayang telah menggunakan sistem perkomputeraan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas - tugas harian. Ini termasuklah daripada kerja-kerja menyimpan maklumat penilaian, pengeluaran bil taksiran, kutipan, belanjawan, pengurusan aset Majlis dan lain-lain lagi. Sistem-sistem yang digunakan di MPS terbahagi kepada dua iaitu Sistem Integrasi Majlis dan Sistem Aplikasi Sokongan. Dalam JTM dalam usaha meningkatkan penyampaian saluran kepada orang awam, semakan dan bayaran secara online boleh dilaksanakan oleh orang awam menerusi laman web Majlis.

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KESELAMATAN ICT

Bagi melindungi aset ICT Majlis, mengurangkan impak insiden keselamatan ICT dan menjamin kesinambungan perkhidmatan, JTM melaksanakan kawalan terhadap capaian rangkaian keluar dan masuk MPS serta pencerobohan ke atas server.

Warga MPS juga diberi maklumat dan pendedahan isu-isu keselamatan ICT melalui taklimat Dasar Keselamatan ICT. Sehingga ke masa ini, tiada pencerobohan di tahap kritikal yang berlaku ke atas rangkaian Majlis.

Selain itu, bagi menyokong keselamatan ICT Jabatan, pemasangan perisian anti virus juga telah dilakukan di semua komputer.

Majlis juga telah memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) iaitu ISO 27001 : 2013 pada tahun 2020. Skop bagi ISMS MPS adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Perkhidmatan Cukai Taksiran di Majlis Perbandaran Selayang.

STATUS PENYELESAIAN ADUAN ICT

JTM juga menerima dan menyelesaikan aduan-aduan berkaitan peralatan ICT dan aplikasi Majlis.

Berikut adalah jumlah penyelesaian aduan mengikut kategori.

BIL	KATEGORI	JUMLAH ADUAN
1.	Peralatan ICT dan Rangkaian	409
2.	Aplikasi SIM	457
3.	Aplikasi Sokongan	171





JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)



► **Pengarah Jabatan**
Tuan Sr. Mohd Asraf bin Mat Yajid

► **Timbalan Pengarah**
TIADA

► **Ketua Kerani**
TIADA

► **Bahagian / Unit**
TIADA

► **Jumlah Kakitangan**
14 orang

Sayap B , Tingkat 2
Menara MPS
03-6126 5893

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu mendaftar profil kawasan pemajuan, penubuhan JMB/panggilan JMB / panggilan mesyuarat pertama JMB dan pendaftaran serta perakuan JMB.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mengurus dan mengawal selia penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama skim pemajuan berstrata.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang Akta 663 dan Bahagian VI dan VII dalam Akta 318 dan Akta 757.
- Melapor status Badan Pengurusan dan skim pemajuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) / Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan.

STATUS PENUBUHAN JMB/MC TAHUN 2020

BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN (PETAK)			PIHAK PENGURUSAN					CATATAN
<10 (PETAK)	<10 (PETAK)	JUMLAH PETAK	PEMAJU	JMB	MC	EJEN	LAIN-LAIN	
2 (16)	649 (101,394)	670 (101,410)	22	116	57	-	49	

JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

SEMINAR, TAKLIMAT DAN BENGKEL KEPADA BADAN PENGURUSAN (JMB/MC) TAHUN 2020

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Pemerkasa Pusat Kitar Strata MPS	25-26/07/2020	Crystal Crown Hotel Harbour View Port Klang

PROGRAM DARIPADA KERAJAAN NEGERI & PERSEKUTUAN TAHUN 2020

BIL	PROGRAM NEGERI
1	Skim Rebet air (SAFWA)
2	Skim Ceria
3	Anugerah SEROJA
4	K-Squad
5	Duplikasi Projek K-Inovsi <ul style="list-style-type: none">- Pusat Kitar Strata- epayment- Dinding Lif Anti Vandalisme- Laman Hijau 2.0

BIL	PROGRAM /BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
1	Program Tabung Penyenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)
2	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)

PROGRAM BENGKEL PEMERKASA PUSAT KITAR STRATA MPS TAHUN



JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

MESYUARAT BULANAN JABATAN COB TAHUN 2020



LAWATAN TAPAK BANTUAN TPPM TAHUN 2020



PERBINCANGAN BERSAMA JAWATANKUASA BADAN (JMB/MC) TAHUN 2020





JABATAN
PUSAT SETEMPAT
(OSC)

JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)



► Pengarah Jabatan

Encik Shamsul Azlan bin
Mohamad Anuar

► Timbalan Pengarah

Puan Noryana binti Samsuddin

► Ketua Kerani

TIADA

► Bahagian / Unit

TIADA

► Jumlah Kakitangan

15 orang

Sayap B , Tingkat 2

Menara MPS

03-6126 5927

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Memperkemas dan mempercepatkan urusan pengeluaran permit pembinaan.
- Menggalakkan prosedur yang melibatkan interaksi dua (2) hala antara "submitting person" (SP) dan OSC.
- Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan dan pembangunan tanah selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN56).

JENIS-JENIS PERMOHONAN PEMAJUAN YANG DITERIMA DI KAUNTER OSC, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Jabatan OSC menerima dan mendaftar permohonan-permohonan yang lengkap untuk diedarkan kepada jabatan memproses dan jabatan mengulas berkaitan sebelum dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJKOSC). Permohonan yang tidak lengkap atau di luar skop jenis permohonan tidak akan diterima untuk diproses. Berikut merupakan permohonan yang diterima di Jabatan Pusat Setempat:

BIL	PERKARA
1.	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan Tanah (124A KTN)
2.	Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN)
3.	Kebenaran Merancang dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan (124A KTN) atau Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN).
4.	Kebenaran Merancang (Pelan Induk)
5.	Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan/Fasa)


JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

BIL	PERKARA
6.	Kebenaran Merancang Permit Tahunan Bangunan Sementara
7.	Kebenaran Merancang Kilang Sesebuah
8.	Kebenaran Merancang Telekomunikasi
9.	Kebenaran Merancang Rumah Sesebuah
10.	Kebenaran Merancang Tambahan Tingkat
11.	Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan
12.	Pindaan Kebenaran Merancang
13.	Perlanjutan Kebenaran Merancang
14.	Tukar Guna Bangunan (Tadika/Taska/Taski/Pusat Jagaan)
15.	Nama Taman/ Bangunan
16.	Nama Jalan dan Alamat
17.	Kerja Tanah
18.	Kerja Tanah Kecil
19.	Pelan Jalan dan Perparitan
20.	Pelan Lampu Jalan
21.	Pengemukaan Borang B – Kerja Tanah
22.	Pelan Bangunan
23.	Pindaan Kepada Pelan Kelulusan Pelan Bangunan
24.	Permit Untuk Pembinaan Kecil atau Perubahan dan Tambahan Kecil Selaras UUK 18, UKBS 1984
25.	Permit Bangunan Sementara – Permit Sementara Untuk Bangunan/ Struktur Sementara Selaras UUK 19, UKBS 1984
26.	Pengemukaan Borang B - Pelan Bangunan
27.	Pengemukaan Laporan Siap Kerja, Borang G1-G21 dan Borang F
28.	Permohonan Pengemukaan Borang E dan Pengeluaran CFO Oleh PBT
29.	Pelan Landskap



JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Rajah 2.1 : Carta Alir Proses Permohonan Pemajuan



JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

TEMPOH MASA MEMPROSES

Berdasarkan piagam yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), tempoh proses adalah bermula dari **33 hari hingga 111 hari (Pada Rancangan Tempatan)** bergantung kepada jenis permohonan pemajuan. Tempoh tersebut dikira bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima dan didaftarkan sehingga keputusan muktamad dikeluarkan oleh MJKOSC.

KEAHLIAN DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

MJKOSC dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis (YDP) dan dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis (TYDP), 4 orang ahli majlis, jabatan teknikal dalaman dan agensi teknikal luaran yang berkaitan dengan pembangunan dan pemajuan tanah serta bangunan.

Jadual 4.1 : Keahlian Jawatankuasa Jabatan Pusat Setempat

JAWATAN	JABATAN / BAHAGIAN / LAIN-LAIN
Pengerusi	Yang Dipertua, MPS
Timbalan Pengerusi	Timbalan Yang Dipertua
Setiausaha	Pengarah Jabatan Pusat Setempat (OSC)
Ahli	4 Orang Ahli Majlis
	i. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) ii. PLANMalaysia@Selangor iii. Jabatan Kerja Raya (JKR) iv. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) v. Tenaga Nasional Berhad (TNB) vi. Jabatan Alam Sekitar (JAS) vii. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK) viii. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) ix. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) x. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. xi. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) xii. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) xiii. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Teknikal Luaran	i. Jabatan Perancang Bandar ii. Jabatan Kejuruteraan iii. Jabatan Bangunan iv. Jabatan Landskap v. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan vi. Jabatan Perundungan vii. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) viii. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta ix. Jabatan Pelesenan x. Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan xi. Jabatan Korporat
Teknikal Dalaman	

JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan sebanyak 20 kali pada tahun 2020. Sebanyak 4 mesyuarat tidak dapat dilakukan pada bulan Mac hingga bulan Mei kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid19.

Jadual 4.2: Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bagi Tahun 2020

BULAN	BIL MESYUARAT	TARIKH
JANUARI	BIL 1/2020	07/01/2020
	BIL 2/2020	22/01/2020
FEBRUARI	BIL 3/2020	05/02/2020
	BIL 4/2020	18/02/2020
MAC	BIL 5/2020	04/03/2020
APRIL	-	Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
	-	
MEI	-	
JUN	BIL 6/2020	20/05/2020
	BIL 7/2020	03/06/2020
	BIL 8/2020	17/06/2020
JULAI	BIL 9/2020	01/07/2020
	BIL 10/2020	14/07/2020
OGOS	BIL 11/2020	05/08/2020
	BIL 12/2020	19/08/2020
SEPTEMBER	BIL 13/2020	09/09/2020
	BIL 14/2020	23/09/2020
OKTOBER	BIL 15/2020	14/10/2020
	BIL 16/2020	26/10/2020
NOVEMBER	BIL 17/2020	10/11/2020
	BIL 18/2020	26/11/2020
DISEMBER	BIL 19/2020	09/12/2020
	BIL 20/2020	23/12/2020

SENARAI PENJAWATAN JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Jadual 5.1 : Kakitangan Jabatan Pusat Setempat Bagi Tahun 2020

JAWATAN	KPKT	KAKITANGAN MPS	JUMLAH
Pengarah	1	-	1
Pegawai Perancang Bandar (J48)			
Pegawai Perancang Bandar (J41)	1	-	1
Penolong Pegawai Perancang Bandar (JA29)	-	2	2
Penolong Pegawai Senibina (JA29)	-	2	2
Penolong Jurutera(JA29)	-	2	2
Pembantu Tadbir (N17)	-	4	4
Pembantu Operasi (N11)	-	1	1
Pembantu Awam (H11)	-	1	1
Pemandu Kenderaan (H11)	-	1	1
Jumlah	2	13	15

JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

STATUS PERMOHONAN JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG JANUARI HINGGA DISEMBER 2020

Status Permohonan 2020

Mulai 1 Jun 2020, Jabatan OSC telah mula menggunakan Sistem 3.0 Plus Online sepenuhnya untuk pengemukaan permohonan pelan cadangan pemajuan. Walaubagaimanapun, Sistem OSC Online 3.0 masih digunakan untuk pengemukaan Borang B (Pelan Bangunan) dan pengemukaan Laporan Siap Kerja, Borang G1-G21 dan Borang F.


Pada tahun 2020, Jabatan OSC telah menerima sebanyak 428 permohonan yang merangkumi Permohonan Serentak sebanyak 34 permohonan, Kebenaran Merancang sebanyak 147 permohonan, Pelan Kejuruteraan sebanyak 114 permohonan, Pelan Bangunan sebanyak 105 permohonan, dan permohonan CFO serta Permohonan CCC sebanyak 28 permohonan. (Jadual 6.1)

Status Penerimaan Permohonan Di Jabatan Pusat Setempat (OSC) Bagi Bulan Januari hingga Disember 2020

Bil	Jenis Permohonan	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS	Jumlah	%
1	Permohonan Serentak	6	4	4	0	0	1	4	3	4	4	2	2	34	7.94
2	Kebenaran Merancang	13	17	6	0	0	13	14	18	21	13	10	22	147	34.35
3	Pelan Kejuruteraan	22	12	6	0	0	4	11	9	13	13	14	10	114	26.64
4	Pelan Bangunan	3	9	5	0	0	10	17	9	10	6	15	21	105	24.53
5	Sijil Kelayakan Menduduki (CFO)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	CCC	2	5	0	0	0	2	3	2	1	4	5	4	28	6.54
Jumlah Keseluruhan		46	47	21	0	0	30	49	41	49	40	46	59	428	
Peratusan (100%)		10.75	10.98	4.91	0	0	7.01	11.45	9.58	11.45	9.35	10.75	13.79	100	100

Sumber: Portal OSC (<https://portalosc.kpkt.gov.my>)

Bilangan Permohonan Yang Diterima Oleh OSC Bagi Tahun 2020



JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)


Daripada 428 permohonan yang diterima, sebanyak 295 permohonan telah diluluskan, 132 permohonan mendapat keputusan lulus bersyarat / tangguh / batal / ubahsuai / tolak / rekod dan tiada permohonan yang masih dalam proses. (Jadual 6.2)

Status Permohonan Bagi Bulan Januari hingga Disember 2020

Jenis Permohonan	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Diluluskan	Permohonan (Lulus Bersyarat / Tangguh / Batal / Ubahsuai / Tolak / Rekod)	Bil Permohonan /Jumlah
Permohonan Serentak	0	25	9	34
Kebenaran Merancang	0	106	41	147
Pelan Kejuruteraan	0	77	36	114
Pelan Bangunan	0	87	18	105
CFO	0	0	0	0
CCC (Deposit)	0	0	28	28
Jumlah	0	295	132	428

Sumber: Portal OSC (<https://portalosc.kpkt.gov.my>)

Status Permohonan Bagi Bulan Januari hingga Disember 2020



JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Permohonan Selesai Di Dalam Tempoh Piagam

Sehingga 31 Disember 2020, Portal OSC MPS hanya mencapai peratusan sebanyak 88.50% bagi permohonan selesai dalam tempoh piagam. Peratusan ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak SUK Negeri Selangor dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sebanyak 90% kerana terdapat beberapa permohonan yang tertangguh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac sehingga bulan Mei.

Permohonan Selesai Melebihi Tempoh Piagam

Pada tahun 2020, peratusan permohonan yang diselesaikan melebihi tempoh piagam yang ditetapkan akibat pelaksanaan PKP adalah sebanyak 11.50% dengan pecahan seperti berikut:

Bilangan Permohonan Selesai Dalam Tempoh Piagam Bagi Tahun 2020

Jenis Permohonan	Bil Permohonan	Permohonan Selesai (a)=b+c	Permohonan Selesai Dalam Piagam (b)	Permohonan Selesai Melebihi Piagam (c)
Permohonan Serentak	34	34	28	6
Kebenaran Merancang	147	147	139	8
Pelan Kejuruteraan	114	114	95	19
Pelan Bangunan	105	105	92	13
CFO	0	0	0	0
Jumlah	400	400	354	46
Peratus (%)		100.00%	88.50%	11.50%

Sumber: Portal OSC (<https://portalosc.kpkt.gov.my>)

BENGKEL JABATAN OSC MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang telah terpilih sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Perintis Fasa 2 untuk melaksanakan OSC 3.0 Plus Online. Jabatan OSC, MPS telah menetapkan pelaksanaan pemakaian Sistem OSC 3.0 Plus Online ini pada 1 Jun 2020. Oleh yang demikian, Jabatan Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel dan taklimat bagi pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus yang bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada agensi teknikal dalaman dan luaran sebelum pelaksanaan sistem tersebut.

JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Bengkel Taklimat Pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus Serta Sesi Teach-In Dan Hands On OSC 3.0 Plus Online Kepada Agensi Teknikal Dalaman (ATD) Dan Agensi Teknikal Luaran (ATL) pada 11 Hingga 13 Mac 2020 bertempat di Hotel The Pines, Melaka.

Bengkel ini bertujuan bagi memperkenalkan Sistem OSC 3.0 Plus Online kepada Agensi Teknikal Dalaman (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL) di Majlis Perbandaran Selayang. Sistem OSC 3.0 Plus Online ini merupakan sistem yang dibangunkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaras dengan inisiatif penambahbaikan Manual OSC 3.0 kepada Manual OSC 3.0 Plus.

TAKLIMAT PELAKSANAAN MANUAL OSC 3.0 PLUS SERTA SESI TEACH-IN DAN HANDS ON OSC 3.0 PLUS ONLINE KEPAD AGENSI TEKNIKAL DALAMAN (ATD) DAN AGENSI TEKNIKAL LUARAN (ATL) HOTEL THE PINES, MELAKA 11 - 13 MAC 2020



JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

Bengkel Pemantapan Perlaksanaan Manual OSC 3.0 Plus Dan Sistem OSC 3.0 Plus Online Majlis Perbandaran Selayang Bersama Jabatan Kerajaan Tempatan Di Hotel Copthorn, Cameron Highland, Pahang Pada 27 Hingga 29 Ogos 2020

Bengkel ini diadakan dengan kerjasama daripada pihak JKT bertujuan untuk memantapkan lagi perlaksanaan Sistem OSC 3.0 Plus Online yang melibatkan proses 1 dan 2 iaitu proses pengumpulan maklumat, pertimbangan pelan pemajuan dan pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa OSC seterusnya akan memberi tumpuan kepada Proses 3 sehingga Proses 6.



RUMUSAN

Matlamat penubuhan Jabatan OSC adalah sebagai penyelaras dalam mempercepatkan proses kelulusan permohonan cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha-usaha untuk menambahbaik dan memantapkan lagi proses sedia ada sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan prosedur ini di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus relevan dengan perkembangan dan kemajuan teknologi semasa.

Justeru itu, Jabatan OSC, MPS sentiasa positif dan proaktif dalam usaha memastikan kelancaran pertimbangan bagi semua permohonan pemajuan di MPS. Sistem OSC 3.0 Plus Online yang telah digunakan sehingga kini amat relevan selaras dengan keperluan dan kehendak penggunaan teknologi maklumat pada masa kini. OSC 3.0 Plus Online diharap dapat dilaksanakan dengan jayanya di MPS dengan kesediaan infrastruktur IT yang kompeten dan penglibatan secara menyeluruh daripada semua jabatan teknikal yang terlibat.



UNIT INTEGRITI



► Pengarah Jabatan

Encik Mohamad Faiz bin Omar

► Timbalan Pengarah

TIADA

► Ketua Kerani

TIADA

► Bahagian / Unit

TIADA

► Jumlah Kakitangan

4 orang

Tingkat Bawah,

Bangunan Lama MPS

03-6126 6037

Unit Integriti telah ditubuhkan pada tahun 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhan Unit Integriti adalah bagi menyepakatkan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Merancang dan melaksana Tadbir Urus yang terbaik dilaksanakan di Majlis Perbandaran Selayang bagi menyampaikan perkhidmatan yang efisen.
- Merancang, merangka dan meneliti pembudayaan, penginstituan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi supaya dapat mewujudkan sikap bekerjasama, bersatu padu dan berintegriti.
- Merancang, meneliti pengesanan dan pengesahan aduan salahlaku jenayah diambil tindakan susulan sewajarnya serta melaporkan ke pihak bertanggungjawab.
- Merancang dan meneliti pengurusan aduan diambil tindakan berdasarkan aduan/maklumat bagi menangani salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Merancang, memantau dan mengedalikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa bagi mengurangkan salahlaku tatakelakuan dalam organisasi.
- Merancang dan melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib bagi membentuk sikap yang positif dan mencegah diri daripada berlakunya penyelewengan dalam organisasi.

JABATAN : UNIT INTEGRITI

BIL	PERKARA / TAJUK	CATATAN
1.	Mesyuarat Lembaga Tata Tertib	Mesyuarat LTT Bil.01/2020 Bertarikh 08/01/2020 Mesyuarat LTT Bil.02/2020 Bertarikh 24/02/2020 Mesyuarat LTT Bil.03/2020 Bertarikh 29/06/2020 Mesyuarat LTT Bil.04/2020 Bertarikh 18/08/2020 Mesyuarat LTT Bil.05/2020 Bertarikh 22/10/2020 Mesyuarat LTT Bil 06/2020 Bertarikh 20/11/2020
2.	Mengadakan Seminar/ Taklimat	Program 30 Minit Bersama SPRM Tarikh : 23/01/2020 Tempat : Dewan Keraian Program Bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Tarikh : 22/08/2020 Tempat : Dewan Keraian Program Bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tarikh : 12/10/2020 Tempat : Dewan Al-Baghdadi, Selayang 18 Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Tarikh : 09/12/2020 Tempat : Dewan Keraian
3.	Program Hari Inovasi dan Integriti	Taklimat Integriti “Taklimat Perkembangan Kerjaya (Working Performances) dan Mengatasi Stress Dalam Tugasan Yang Mencabar” Tarikh : 07/12/2020 Tempat : Dewan Keraian

Nota :

Program yang telah dirancang pada tahun 2020 terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak pandemik COVID-19

STATISTIK LAPORAN LTT 2020 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	JENIS KESALAHAN	JAN-MAC	APRIL-JUN	JUL-SEPT	OKT-DIS
1.	Rasuah / salah guna kuasa / penyelewengan	0	0	0	0
2.	Tuntutan Palsu	0	0	0	0
3.	Tipu / Pecah Amanah	0	0	0	0
4.	Kesalahan pentadbiran Tatatertib Salah laku kakitangan Lain-lain (sila nyatakan) Tidak Hadir Bertugas*	5 0 17	3 0 18	1 0 4	0 0 2
6.	Lain-lain (sila nyatakan) Keterhutangan yang serius	0	0	0	1
Jumlah		22	21	5	3



BAHAGIAN URUSETIA



► **Pengarah Jabatan**
Encik Azhar bin Che Salleh

► **Timbalan Pengarah**
TIADA

► **Ketua Kerani**
TIADA

► **Bahagian / Unit**
TIADA

► **Jumlah Kakitangan**
8 orang

Sayap B, Tingkat 5
Menara MPS
03-6126 5858

Bahagian Urus Setia berperanan untuk membantu keberkesanan fungsi sebuah mesyuarat dengan menjalankan tugas-tugas seperti menyediakan jadual bulanan, merancang dan mengatur mesyuarat, menghantar surat jemputan mesyuarat serta menyediakan minit mesyuarat. Di samping itu, Bahagian Urus Setia bertanggungjawab mewujudkan satu sistem pengesahan bagi menentukan maklumbalas dan tindakan ke atas keputusan-keputusan mesyuarat.

Bahagian Urus Setia juga merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan dan Program Mesra Rakyat Ahli Majlis. Pihak Bahagian Urus Setia turut mengurus dan menyediakan maklumbalas Pertanyaan-Pertanyaan Dewan Undangan Negeri Selangor yang akan bersidang tiga (03) kali setahun. Bahagian Urus Setia telah diberikan mandat untuk mengedarkan borang-borang Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) mulai Tahun 2011.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Urus Setia, Majlis Perbandaran Selayang telah mengendalikan Mesyuarat Jawatankuasa utama dan Mesyuarat Majlis MPS pada tahun 2020 seperti jadual di bawah:

Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Dan Mesyuarat Majlis Yang Bersidang Pada Tahun 2020

BIL	TAJUK MESYUARAT	JUMLAH
1.	Mesyuarat Majlis MPS	10
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan	10
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan	10
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur	8
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar	9
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	5
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan	4

Jumlah Permohonan Dan Tuntutan Program Mesra Rakyat Yang Telah Diproses Pada Tahun 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Permohonan Dan Tuntutan Program Mesra Rakyat Ahli Majlis	434

#Terokai Selayang

Discover #Selayang



**SELAYANG
DESTINASI LENGKAP
PELANCONGAN
ANDA!**



Fakta Menarik Selayang



Batu Caves

Batu Caves merupakan Gua Batu Kepur semula jadi yang terdiri kumpulan gua yang berada di dalam Gunung Anantadhyana. Terdapat batu kapur Dewa Muncul yang tertinggi di dunia.



Gua Damai

Meliputi kawasan seluas 100 hektar, Gua Damai merupakan gua yang menarik untuk aktiviti rock climbing, abseiling, flying fox, scuba diving, pagi Base Jump dan masih banyak lagi.



FRIM

Dengan keluasan 600 hektar, Forest Research Institute Malaysia (FRIM) diketahui sebagai Hutan Simpan Bukit Lapang, Kepong. Sesuai berfungsi dan berfungsi sebagai taman-taman seni budaya dan taman pelajaran di FRIM adalah Sky Walk. Di sini anda boleh bersantai dan sambil memerhatikan pokok-pokok besar yang masih bertahan di Malaysia yang mempunyai nilai sejarah dan kebudayaan.



Hutan Rekreasi

MPS merancang dan perkenalkan reka bentuk rekreasi yang menarik dan menyeronokkan bagi pelancong. Taman Rimba Zeppler, Taman Rimbau Tempur, Taman Rimbau Kanching, Taman Rimbau Komersial, Taman Rimbau Buluh (Agro), Hutan Lipur Sungai Tua (HLSAT).



Batu Arang

Batu Arang merupakan bandar warisan yang mengalami perkembangan yang pesat. Ia merupakan bandar yang dilindungi dengan status bandar bersejarah dan bandar ini merupakan destinasi pelancongan yang menarik kerana keadaannya yang masih dengan ciri khas dan unik.



Dark Caves

Menariknya permata dalam minyak batu caves. Gua pulau kuas dengan ukuran melebihi 2 km yang berada diatas gua batu yang dikenali sebagai satu gua terbesar yang diketahui di Asia serta bersifat suam berkeras dan cenderung kekuning-kuningan pada.



Imbas kod QR dan www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut tentang tarikan pelancongan di Selangor.

01



Taman Rimba Bukit Lagong

Telefon : 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat : Hutan Lipur Bukit Lagong, Gombak Selangor

Info : Taman Rimba Bukit lagong merupakan kawasan eko-pelancongan yang terdapat di negeri Selangor . Terletak 15 km dari pusat bandar Kuala Lumpur, taman rimba ini menyediakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan yang telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Selangor bagi memudahkan pengunjung untuk mengadakan aktiviti seperti riadah, perkelahan, kem motivasi, team building, hari keluarga, majlis perkahwinan, majlis-majlis rasmi dan sebagainya.



02



Taman Rimba Templer

Telefon : 03 - 6126 5800 / 6120 2962

Alamat : Taman Rimba Templer, 48000 Rawang Selangor

